

Pakatan pembangkang tidak pentingkan kehendak rakyat

13

9 NOV 1999
PULAU PINANG 8 Nov. — Tindakan pakatan parti pembangkang yang semakin ghairah menentukan siapakah yang layak menjadi Perdana Menteri jika mereka berjaya menumbangkan Barisan Nasional (BN) menunjukkan bahawa mereka tidak mementingkan kehendak rakyat.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, sikap tersebut menunjukkan bahawa tujuan mereka berbuat demikian hanya untuk cuba memuaskan hati sesama sendiri dengan mengetepikan perasaan rakyat yang menyokong mereka.

“Jelas bahawa pemimpin hanya bercakap dan terlalu mementingkan kuasa walaupun belum mendapat mandat daripada rakyat untuk memerintah,” katanya kepada pemberita selepas jamuan meraikan Deepavali anjuran parti Gerakan Pulau Pinang di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat bahawa Pas menerima Perdana Menteri bukan Islam jika menang pada pilihan raya akan datang.

Menurut beliau, kenyataan-kenyataan bersifat mengelirukan itu menunjukkan barisan pembangkang tidak jujur mengenai proses pembangunan masyarakat sebaliknya hanya berminat untuk memegang jawatan tertinggi negara sahaja.

Katanya, jika pembangkang berjaya mendapatkan jawatan tersebut, sekurang-kurangnya mereka terpaksa mewujudkan Perdana Menteri Kedua dan Ketiga untuk memuaskan hati sesama sendiri dan itu akan mengganggu keberkesanan tugas yang akan dilaksanakan.

“Saya fikir rakyat dapat menilai tujuan pembangkang yang hanya ingin memancing undi seterusnya

mendapatkan kuasa untuk memerintah negara ini,” ujarnya.

Berbanding pembangkang, menurut beliau, Barisan Nasional (BN) lebih sempurna dari segi prinsip dan polisi serta mempunyai pelbagai projek untuk pembangunan masyarakat.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat negara ini supaya sentiasa peka dengan unsur-unsur negatif yang ingin membawa kepada perpecahan walaupun semangat bersatu di kalangan mereka lebih baik berbanding 10 atau 20 tahun lalu.

Selain daripada itu, katanya, dalam menuju alaf baru, semangat dan wawasan amat penting kerana perjuangan yang ingin dicapai oleh negara masih jauh seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad iaitu ‘perjuangan belum selesai’.